



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

## SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 22  
No. 16

3hb Ogos 1978

TAMBAHAN No. 49  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 226.**

**ORDINAN (MEMELIHARA) KETENTERAMAN AWAM 1958**

**PERISYTIHARAN PEMBAHARUAN DI BAWAH SEKSYEN 3 (3)**

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri yang berpendapat bahawa ketenteraman awam dalam Negeri Sarawak adalah masih lagi terancam dengan berat dan dengan memikirkan perlu untuk maksud mengekalkan ketenteraman awam dalam Negeri Sarawak mengisytiharkan supaya Perisytiharan yang bertarikh 29hb Jun 1978 dan disiarkan sebagai P.U. (A) 208 pada 13hb Julai 1978 itu dibaharui selama tempoh satu bulan lagi mulai dari 6hb Ogos 1978.

Bertarikh pada 25hb Julai 1978.

[KHEDN. Y. 29/160; P.N. (PU<sup>2</sup>) 309.]

M. GHAZALI BIN SHAFIE,  
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri*

*(Akan dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen menurut seksyen 3 (5) Ordinan (Memelihara) Ketenteraman Awam 1958.)*

**PUBLIC ORDER (PRESERVATION) ORDINANCE 1958**

**DECLARATION OF RENEWAL UNDER SECTION 3 (3)**

THE Minister of Home Affairs being of the opinion that public order in the State of Sarawak is still seriously threatened and considering it to be necessary to do so for the purpose of maintaining public order in such State of Sarawak declares that the Proclamation dated the 29th June 1978 and published as P.U. (A) 208 on the 13th July 1978 be renewed for a further period of one month with effect from the 6th August 1978.

Dated the 25th July 1978.

[KHEDN. Y. 29/160; P.N. (PU<sup>2</sup>) 309.]

M. GHAZALI BIN SHAFIE,  
*Minister of Home Affairs*

*(To be laid before each House of Parliament pursuant to section 3 (5) of the Public Order (Preservation) Ordinance 1958.)*

## P.U. (A) 229.

## AKTA DOKTOR VETERINAR 1974

## PERINTAH DOKTOR VETERINAR (PINDAAN BAGI JADUAL KEDUA) 1978

*Akta 147.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 12 (3) Akta Doktor Veterinar 1974, Menteri, selepas berunding dengan Majlis Veterinar Malaysia, membuat perintah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Doktor Veterinar (Pindaan bagi Jadual Kedua) 1978** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 2hb Mei 1978.

Pindaan bagi Bahagian-bahagian I dalam Jadual Kedua. 2. Bahagian I dalam Jadual Kedua kepada Akta Doktor Veterinar 1974 adalah dipinda dengan memasukkan negara, institusi dan kelulusan berkaitan yang berikut—

“Malaysia	... Universiti Pertanian	Doctor of Veterinary
	Malaysia	Medicine.”

dalam ruangan-ruangan pertama, kedua dan ketiga yang berkenaan selepas institusi “University of London” dan kelulusan berkaitan yang terdapat di bawah negeri “United Kingdom”.

Diperbuat pada 18hb Julai 1978.

[PN. (PU<sup>2</sup>) 281; KP. O. 291 Jld. 3; DVS. Sulit 0002/(41).]

DATO' SHARIFF AHMAD,  
*Menteri Pertanian*

## VETERINARY SURGEONS ACT 1974

VETERINARY SURGEONS (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE)  
ORDER 1978

*Act 147.* IN exercise of the powers conferred by section 12 (3) of the Veterinary Surgeons Act 1974, the Minister, after consulting the Malaysian Veterinary Council, makes the following order:

Citation and commencement. 1. This order may be cited as the **Veterinary Surgeons (Amendment of Second Schedule) Order 1978** and shall be deemed to have come into force on the 2nd May 1978.

Amendment of Part I of the Second Schedule. 2. Part I of the Second Schedule to the Veterinary Surgeons Act 1974 is amended by inserting appropriately in the first, second and third columns after the institution “University of London” and the related qualification appearing under the country “United Kingdom”, the following country, institution and related qualification.

“Malaysia	... Universiti Pertanian	Doctor of Veterinary
	Malaysia	Medicine.”

Made the 18th July 1978.

[PN. (PU<sup>2</sup>) 281; KP. O. 291 Jld. 3; DVS. Sulit 0002/(41).]

DATO' SHARIFF AHMAD,  
*Minister of Agriculture*